

thrive™



Prinsip Panduan Kami

Tatakelakuan Cargill

Cargill®

“Dasar yang sentiasa dipegang semasa menjalankan perniagaan kami adalah... kata-kata kami berpegang kepada perjanjian kami”

John MacMillan, Sr., 1923



Jadual kandungan

Pengenalan

Pesanan daripada Pengerusi dan Presiden kita.....	2	Sumber.....	5
Prinsip Panduan Cargill	3	Keputusan yang Baik Melalui Perbincangan	6
Mengenai Tatakelakuan Cargill	4		

Mempraktik Prinsip Panduan Kami

Kami Mematuhi Undang-Undang	8	Kami Melayan Individu dengan Bermaruah dan Hormat.....	22
Mematuhi Undang-undang yang Telah Ditetapkan		Hak Asasi Manusia	
Pihak Ketiga dan Kelakuan Undangundang		Keselamatan dan Kesihatan	
Kami Menjalankan Perniagaan Kami dengan Integriti	10	Kekuatan Melalui Pelbagai Aspek	
AntiSogokan		Alkohol dan Dadah	
Hadiah dan Hiburan Perniagaan		Gangguan dan Keganasan	
Persaingan Adil		Privasi Data Pekerja	
Harta Intelek Pihak Ketiga		Kami Melindungi Maklumat, Aset dan Kepentingan Cargill	26
Sekatan Perdagangan		Harta dan Sumber Cargill	
Transaksi Terbitan		Aset Intelek Cargill	
Kami Menyimpan Rekod Dengan Tepat dan Jujur	16	Perdagangan Orang Dalam	
Mewujud dan Mengurus Rekod Perniagaan		Konflik Kepentingan	
Penyata dan Kawalan Kewangan		Kami Komited Menjadi Warga Global yang Bertanggungjawab	30
Kami Menunaikan Tanggungjawab Perniagaan Kami	18	Piawaian Alam Sekitar	
Kepercayaan dalam Hubungan Perniagaan		Keselamatan Makanan dan Makanan Ternakan	
Kontrak Kerajaan		Aktiviti Politik	
		Komuniti yang Diperkayakan	

Pesanan daripada Pengerusi dan Presiden kita

Rakan sekerja yang dihormati:

Saya percaya bahawa kerja yang kita lakukan setiap hari adalah lebih daripada sekadar satu pekerjaan – ia merupakan cara untuk kita memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat, membentuk hubungan dengan rakan sekerja kita dan belajar setiap hari. Ia juga merupakan satu cara untuk kita menunjukkan bahawa sebuah syarikat boleh berkembang dan menjadi maju sambil berpegang pada satu set kepercayaan etika yang kuat.



Kita tahu pekerja dan pemilik kita sangat mengambil berat tentang cara kita menjalankan perniagaan kita dan ini juga menjadi semakin penting kepada pelanggan kita dan komuniti tempat kita beroperasi. Itulah sebabnya kita telah menetapkan matlamat kita untuk menjadi sumber produk dan perkhidmatan mampang yang paling beretika dan dipercayai. Bukan sahaja ia adalah perkara yang betul untuk dilakukan, tetapi ia juga perniagaan yang baik, berfungsi untuk membezakan Cargill dan menggalakkan pelanggan untuk memilih kita dengan lebih kerap.

Dalam dunia yang berubah setiap hari, kita menyedari kepentingan mempunyai definisi bersama tentang kepentingan untuk menjadi penyedia yang paling beretika dan bertanggungjawab. Itulah sebabnya kita mempunyai Tatakelakuan, yang merupakan gabungan Prinsip Bimbingan dan dasar-dasar pematuhan yang menyokongnya. Pastikan anda menyemaknya dan fikirkan cara ia dikaitkan dengan kerja anda dalam Cargill. Jika anda tidak pasti, bincang dengan pengurus anda atau rakan sekerja. Melalui perbincangan, kita dapat melihat sesuatu keadaan daripada perspektif yang berbeza dan akhirnya membuat keputusan yang lebih bijak.

Terima kasih atas keprihatinan dan perhatian yang anda berikan untuk membantu Cargill menjadi rakan kongsi paling dipercayai. Ia adalah matlamat yang hanya boleh direalisasikan secara bersama!

Yang ikhlas,

A handwritten signature in black ink that reads "David MacLennan". The signature is fluid and cursive, with a distinct "MacLennan" at the end.

David W. MacLennan
Presiden dan COO

Prinsip Panduan Cargill

- 1 Kami mematuhi undang-undang.**
- 2 Kami menjalankan perniagaan kami dengan integriti.**
- 3 Kami menyimpan rekod dengan tepat dan jujur.**
- 4 Kami menunaikan tanggungjawab perniagaan kami.**
- 5 Kami melayan individu dengan bermaruah dan hormat.**
- 6 Kami melindungi maklumat, aset dan kepentingan Cargill.**
- 7 Kami komited menjadi warga global yang bertanggungjawab.**

Mengenai Tatakelakuan Cargill

Mengapa kami mempunyai Tatakelakuan?

Tatakelakuan Cargill menggariskan piawaian etika yang kita kongsi bersama dalam menjalankan perniagaan di seluruh dunia dan menjadi panduan apabila anda mempunyai persoalan atau menghadapi dilema untuk membuat pilihan yang betul.

Tatakelakuan ini termaktub dalam 7 Prinsip Panduan kami—asas yang menyokong semua aktiviti korporat Cargill, seiring tindakan dan keputusan individu sebagai pekerja Cargill. Ia turut meringkaskan dasar kepatuhan penting, menekankan isu yang boleh mendatangkan impak yang ketara di sisi undang-undang dan etika jika tidak ditangani dengan wajar dan menyediakan garis panduan untuk tindakan yang bersesuaian.

Siapa perlu mematuhi Tatakelakuan kami?

Tatakelakuan ini dikenakan kepada semua pekerja Cargill dan syarikat gabungannya di seluruh dunia. Ia turut diaplิกasikan kepada ahli lembaga pengarah kami apabila bertindak bagi pihak Cargill.

Apakah yang Tatakelakuan perlukan daripada saya?

Sebagai pekerja Cargill, kita bertanggungjawab untuk mematuhi Tatakelakuan kita dan menggunakan pertimbangan yang baik selaras dengan prinsip yang diperuntukkan. Kita juga bertanggungjawab untuk melaporkan pelanggaran Tatakelakuan yang kita ketahui atau alami. Pekerja yang gagal mematuhi Tatakelakuan kami—termasuk mereka yang gagal melaporkan pelanggaran Tatakelakuan—mungkin dikenakan tindakan disiplin, dan akan mencapai tahap termasuk pe ecatan.

Apakah yang Tatakelakuan perlukan daripada para pengurus?

Para pengurus menetapkan suasana bagi pasukan mereka, dan mereka lazimnya menjadi tempat rujukan utama bagi pekerja. Oleh itu, mereka diharapkan dapat:

- Menunjukkan contoh kelakuan etika yang baik.
- Menyediakan latihan, pendidikan dan sumber untuk menyokong pekerja dalam mematuhi Tatakelakuan dan dasar yang tersirat di dalamnya.
- Menggalakkan pekerja untuk bertanya sekiranya terdapat pertanyaan atau keraguan.
- Sentiasa peka dan mengendalikan salah laku dalam pasukan mereka dengan betul.

Sumber

Apakah yang perlu saya lakukan jika saya mendapat tahu atau mengesyaki salah laku?

Syarikat dengan reputasi sentiasa melakukan perkara yang betul pun masih mengalami salah laku, kita juga tidak terkecuali.

Melaporkan salah laku memerlukan keberanian, tetapi ia adalah perkara yang betul untuk dilakukan. Cargill tidak akan bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap sesiapa yang, dengan niat yang baik, menyuarakan keimbangan atau mengambil bahagian dalam penyiasatan. Pekerja yang membuat tuduhan palsu atau memberikan maklumat palsu dengan sengaja mungkin dikenakan tindakan disiplin.

Kami memberi perhatian serius terhadap semua salah laku yang mungkin terjadi dan mengendalikannya dengan segera, secara adil dan secara sulit seboleh mungkin.

Di mana saya patut mula?

Mulakan perbincangan bersama dengan pengurus anda. Jika anda tidak selesa berbuat demikian, atau jika pengurus anda tidak menangani keadaan itu dengan betul, hubungi mana-mana individu berikut:

- Berbincang dengan Pengurus Sumber Manusia anda
- Berbincang dengan Pemimpin Fungsi atau Perniagaan anda
- Hubungi Jabatan Undang-undang
- Hubungi Pejabat Etika dan Pematuhan Global (GECO) di ethics@Cargill.com

Anda juga boleh menghubungi atau menghantar pesanan kepada Talian Terbuka Etika Cargill (tertakluk pada had undang-undang negara tertentu). Ia tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu untuk pekerja di seluruh dunia.

Talian Terbuka Etika



Untuk menghubungi Talian Terbuka Etika:

- Di Amerika Syarikat, dail **1-800-357-OPEN**.
- Di luar Amerika Syarikat, pergi ke laman web Talian Terbuka Etika untuk mencari nombor telefon khusus untuk negara anda. Atau, dail Kod Capaian Terus AT&T untuk negara anda, diikuti dengan **1-800-357-OPEN**.




Untuk menghantar pesanan kepada Talian Terbuka Etika:

- Capai www.CargillOpenLine.ethicspoint.com daripada mana-mana komputer yang mempunyai capaian Internet.

Keputusan yang baik melalui perbincangan

Tatakelakuan dapat memberikan panduan praktikal untuk pelbagai keadaan. Namun tiada satu dokumen pun yang dapat meramalkan setiap keadaan atau menggariskan setiap keperluan. Yang paling penting, Tatakelakuan kami bukanlah pengganti untuk akal fikiran dan pertimbangan yang baik. Jika anda tidak menemui jawapan yang anda perlukan dalam Tatakelakuan, berhenti sejenak dan fikirkan mengenai tindakan yang anda rancangkan. Bincangkan bersama dengan pengurus atau rakan sekerja anda atau hubungi Talian Terbuka Etika.

Tanya...



“Melakukan perkara yang betul jelas menanamkan budaya Cargill. Kita semua boleh menyokong budaya ini melalui proses membuat keputusan yang bijak dan membina asas pematuhan yang teguh yang sama dengan semangat etika kita. Bersama-sama, etika dan pematuhan kita mentakrifkan kita dan akan menjadi faktor utama dalam visi kita untuk menjadi rakan kongsi paling dipercayai dalam bidang pertanian, makanan dan pemakanan.”

Anna Richo
Ketua Peguam dan Ketua Pegawai Pematuhan

1

Kami mematuhi undang-undang.



Mematuhi undang-undang menjadi asas kewujudan reputasi dan Prinsip Panduan kami. Sebagai organisasi global yang berpeluang menjalankan perniagaan di seluruh dunia, kita mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan kami.

Mematuhi Undang-undang yang Telah Ditetapkan

Cargill menjalankan perniagaan secara global dan pekerja kami terdiri daripada warganegara yang berasal dari negara-negara yang berlainan. Justeru itu, aktiviti perniagaan kami adalah tertakluk kepada undang-undang dalam bidang kuasa yang berlainan. Sesetengah undangundang menjangkau melepas sempadan negara tertentu. Sebagai contoh, ada undangundang A.S berkenaan import dan eksport, sogokan dan sekatan perdagangan yang bukan saja dikenakan terhadap operasi A.S kami, tetapi juga terhadap operasi kami di seluruh dunia. Kita bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang yang dikenakan terhadap perniagaan kita. Ada kalanya, anda mungkin berhadapan dengan konflik dengan pelbagai undang-undang yang dikenakan ke atas aktiviti perniagaan kami. Jika anda berhadapan dengan konflik atau mempunyai sebarang keraguan berkenaan sama ada sesuatu perkara adalah sah di sisi undang-undang, hubungi Jabatan Undang-Undang untuk panduan.

Pihak Ketiga dan Kelakuan Undang-undang

Membantu pihak ketiga melakukan aktiviti yang menyalahi undang-undang boleh merosakkan reputasi kita dan mengakibatkan tinjakan undang-undang diambil terhadap anda dan Cargill, termasuk dakwaan bahawa kami membantu atau berkomplot dengan pihak ketiga tersebut. Selain daripada mematuhi undang-undang yang dikenakan secara terus kepada kita, kita tidak boleh mengambil tindakan yang kita ketahui, atau patut ketahui, akan membantu pihak ketiga melanggar undang-undang. Setiap seorang daripada kita bertanggungjawab untuk mengenal pasti tandatanda yang menunjukkan bahawa pihak ketiga terlibat dalam aktiviti yang berpotensi menyalahi undang-undang dan menggunakan

Cargill untuk membantu mereka. Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan bahawa pihak ketiga yang menjalankan perniagaan bersama anda mungkin menggunakan Cargill untuk membantu ia melanggar undangundang, selesaikan kebimbangan anda sebelum meneruskan transaksi tersebut.

Soalan & Jawapan

S Baru-baru ini, unit perniagaan saya membeli barang daripada penjual yang berada di negara "x." Penjual tersebut menelefon bertanyakan sama ada kami boleh membuat pembayaran barang dengan memindahkan dana ke akaun bank pihak ketiga di negara "z." Saya tidak pernah mendengar apa-apa tentang pihak ketiga itu dan negara "z" tidak kelihatan seperti lokasi yang logik untuk pelanggan mahupun transaksi itu. Adakah saya patut berasa bimbang?

J Ya. Permintaan penjual untuk membayar pihak ketiga yang tidak berkaitan di negara selain daripada tempat perniagaan utama penjual adalah membimbangkan kerana penjual mungkin menggunakan Cargill untuk membantu penjual melanggar undangundang. Sebagai contoh, penjual mungkin menggunakan pihak ketiga yang tidak berkaitan dan akaun bank di negara "z" untuk mengelakkan keperluan cukai atau melaburkan wang haram. Anda perlu memberitahu penjual bahawa dasar kami adalah membayar penjual secara terus ke dalam akaun bank mereka di negara tempat perniagaan utama mereka. Jika pelanggan tidak bersetuju dengan jawapan anda, bincangkan situasi ini bersama pengurus anda dan dapatkan bimbingan daripada pengawal atau ketu aunit perniagaan anda.

2

Kami menjalankan perniagaan kami dengan integriti.



Kami berbangga kerana menjalankan perniagaan kami dengan integriti. Kami bersaing dengan gigih, tetapi melakukannya dengan adil dan beretika. Kami tidak menawarkan atau menerima sogokan atau hadiah yang tidak wajar dan kami mematuhi undang-undang serta peraturan yang menyokong persaingan adil dan integriti dalam pasaran.

AntiSogokan

Cargill tidak menawarkan atau menerima sogokan, suapan atau lain-lain bayaran rasuah, tanpa mengira amalan atau budaya tempatan anggapan. Sogokan adalah menyalahi undangundang di kebanyakan tempat kami menjalankan perniagaan, dan ia boleh melumpuhkan reputasi Cargill yang selama ini menjalankan perniagaan dengan integriti.

Sogokan ialah memberi atau menawarkan untuk memberi sesuatu yang bernilai kepada seorang sebagai balasan untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau sebarang kelebihan perniagaan lain. Jangan sekali-kali menawarkan, memberi, meminta atau menerima apa-apa bentuk sogokan, suapan atau bayaran rasuah lain sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pilih pihak ketiga yang bertindak bagi pihak kita dengan berhati-hati (cth., ejen jualan, wakil, perunding dan pengedar). Jangan benarkan pihak ketiga itu atau rakan kongsi usaha sama kita untuk menawarkan atau menerima sogokan, kerana anda dan Cargill boleh dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka.

Berurusan dengan Pegawai Kerajaan:

Peraturan antirasuah yang dikenakan terhadap urusan kita dengan pegawai kerajaan adalah amat ketat. Di bawah Akta Amalan Rasuah Asing A.S. (FCPA), ia merupakan satu jenayah untuk menawarkan atau memberi apa-apa yang bernilai, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada pegawai kerajaan bagi mempengaruhi pegawai tersebut secara tidak wajar. FCPA, seperti kebanyakan undangundang serupa yang lain, boleh dikenakan kepada keseluruhan Cargill, pekerja kami dan pihak ketiga yang

bertindak bagi pihak kami di seluruh dunia. Jika anda berinteraksi dengan pegawai kerajaan, anda mesti memahami dan mematuhi semua undang-undang antirasuah.

Adakah bayaran pemudahan diterima?

Bayaran pemudahan ialah sejumlah kecil wang yang dibayar kepada pegawai kerajaan bagi mempercepatkan aktiviti rutin dan bukan budi bicara, seperti mendapatkan visa atau perintah kerja. Bayaran pemudahan adalah salah di sisi undang-undang di beberapa negara. Dalam beberapa keadaan yang amat terhad, ia mungkin dibenarkan untuk membuat bayaran pemudahan. Rujuk dengan Jabatan Undang-Undang sebelum membuat pembayaran untuk memastikan ia adalah sah, kelaziman dan munasabah bawah piawaian tempatan. Anda juga mesti melaporkan bayaran dengan betul dan merekodkannya dalam rekod syarikat.

Siapa itu Pegawai Kerajaan?

- Pekerja agensi kerajaan—contohnya, pemeriksa cukai dan kastam dan pegawai polis
- Pekerja syarikat milik kerajaan atau syarikat bawah kawalan kerajaan atau organisasi antarabangsa awam
- Parti, pegawai, calon dan penjawat jawatan politik

Hadiah dan Hiburan

Perniagaan

Apabila digunakan dengan betul, hadiah dan hiburan boleh menggalakkan perasaan muhibah serta mengukuhkan hubungan perniagaan yang teguh. Dalam sesetengah budaya, hadiah mungkin menjadi kelaziman dan dijangkakan.

Namun, oleh kerana hadiah dan hiburan boleh membawa nilai kepada penerima, adalah penting untuk menimbangkan dengan teliti dan mengelakkan keadaan yang mana ia mungkin mengurangkan—atau kelihatan seperti mengurangkan—keobjektifan anda atau orang lain.

Patuhilah syarat-syarat ini

Sentiasa patuhi dasar hadiah dan hiburan tempat anda. Selain itu:

- Jangan memberi atau menerima apa-apa hadiah atau hiburan jika ia boleh menyebabkan—atau memberi gambaran menyebabkan—Cargill memberi atau menerima apa-apa kelebihan sebagai balasan.
- Jangan memberi atau menerima hadiah atau hiburan mewah. Nilai bagi semua hadiah dan hiburan hendaklah berpatutan dan sederhana.
- Elakkan hadiah atau hiburan yang berlaku serentak dengan keputusan pembelian, penjualan atau perdagangan, kerana ini mungkin kelihatan seperti mempengaruhi keputusan secara tidak wajar.
- Jangan memberi atau menerima wang tunai atau benda-benda yang setara dengan tunai seperti kad hadiah atau sijil atau dan baucar hadiah dengan jumlah perbelanjaan yang tertera.
- Jika anda berinteraksi dengan pihak kerajaan, fahami undangundang dan peraturan untuk berurus dengan pegawai kerajaan. Undang-undang dan peraturan ini berbeza-beza mengikut tempat dan lazimnya adalah lebih ketat daripada peraturan yang dikenakan terhadap rakan niaga komersil. Malah pelawaan yang remeh seperti membeli makan tengah hari untuk pegawai kerajaan mungkin tidak boleh diterima atau menyalahi undang-undang dalam sesetengah keadaan.
- Untuk panduan tambahan, hubungi GECO melalui peti masuk ethics@cargill.com

Untuk panduan tambahan, rujuk ringkasan dalam Tatakelakuan kami berkenaan AntiSogongan, Kontrak Kerajaan dan Aktiviti Politik.

Persaingan Adil

Undang-undang persaingan, dikenali sebagai undang-undang “antitrust” di Amerika Syarikat, membantu menggalakkan dan memulihara persaingan adil dan jujur dalam pasaran.

Menjalankan perniagaan dengan mematuhi undang-undang ini telah menyumbang terhadap pertumbuhan dan kejayaan Cargill selama ini. Sungguhpun undang-undang ini adalah rumit dan mungkin berbeza antara satu negara ke negara yang lain, ia secara umumnya melarang pesaing daripada bekerja bersama-sama bagi mengehadkan persaingan. Ia turut melarang percubaan tidak wajar untuk memonopoli pasaran atau mengawal harga.

Semua pekerja adalah diwajibkan untuk mematuhi undang-undang persaingan dan juga dasar persaingan Cargill sendiri.

Pekerja juga mesti berhati-hati apabila berinteraksi dengan para pesaing—contohnya, berkaitan dengan persatuan perdagangan dan penandaan aras.

Satu lagi cara untuk mengekalkan persaingan adil dan jujur melibatkan pengumpulan dan penggunaan risikan saingen secara betul. Mengumpul maklumat saingen dan data perniagaan adalah amalan perniagaan yang wajar, tetapi ia mesti dilakukan mengikut batas undang-undang dan secara bereтика. Ia tidak boleh diterima untuk melibatkan diri dalam penipuan, memberikan gambaran yang salah, menceroboh atau melakukan kaedah lain yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika untuk mendapatkan risikan saingen.

Untuk panduan tambahan, rujuk dasar dan panduan persaingan di tempat anda.

Perkara yang Patut dan Tidak Patut Dilakukan dalam Persaingan

Patut:

- Bersaing dengan gigih, tetapi mengikut undang-undang.
- Menang atas sebab merit kita.
- Fahami bahawa undang-undang persaingan adalah rumit. Jika ada keraguan, dapatkan bantuan.

Tidak Patut:

- Bincangkan harga, rancangan jualan atau jumlah bersama pesaing.
- Bahagikan pelanggan, pasaran atau wilayah bersama para pesaing.
- Bersetuju dengan orang lain untuk mengehadkan pengeluaran atau tidak berurus niaga dengan pelanggan atau pembekal.

Harta Intelek Pihak Ketiga

Kami menghormati hak harta intelek individu dan syarikat di luar Cargill dan tidak akan cuba untuk memperoleh maklumat sulit mereka, atau sebaliknya menggunakan harta intelek mereka dengan tidak sepatutnya.

Harta intelek termasuklah tanda dagang, hak cipta, paten dan rahsia perdagangan. Dalam sesetengah konteks, rahsia perdagangan juga dikenali sebagai maklumat atau pengetahuan sulit.

Jika anda mendapat tahu anda telah menerima maklumat sulit yang bukan milik Cargill, atau mungkin menggunakan harta intelek orang lain tanpa mempunyai hak untuk berbuat demikian, hubungi Jabatan Undang-Undang untuk bantuan.

Selain itu, apabila pelanggan atau pihak lain mengamanahkan kita dengan harta intelek mereka, anda mesti mematuhi semua komitmen dan sekatan kontrak mengenai penggunaannya.

Sekatan Perdagangan

Pelbagai negara dan organisasi, seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, telah mengenakan sekatan perdagangan terhadap negara, organisasi dan individu tertentu, kebanyakannya dikenakan terhadap transaksi melangkaui sempadan negara yang mengenakan sekatan tersebut.

Ada sekatan yang mengenakan larangan penuh terhadap semua transaksi, manakala yang lain mungkin mengharamkan jenis transaksi tertentu, seperti perdagangan untuk barang tertentu atau menyediakan perkhidmatan tertentu.

Cargill tidak menjalankan perniagaan dengan mana-mana negara, organisasi atau individu yang dikenakan sekatan, melainkan dibenarkan oleh undangundang. Jika anda terlibat dalam transaksi perniagaan antarabangsa, anda mesti mengetahui dan mematuhi sekatan perdagangan yang berkenaan. Jika anda sedang menimbulangkan perniagaan dengan sesebuah negara, organisasi atau individu yang dikenakan sekatan, berunding dengan Jabatan Undang- Undang terlebih dahulu.

Perlu diingat bahawa undang-undang sekatan perdagangan boleh menjadi sangat rumit dan sering berubah, jadi transaksi yang dibenarkan pada masa lalu mungkin tidak dibenarkan sekarang.

Undang -Undang Anti Boikot: Undangundang A.S. melarang keseluruhan Cargill daripada menyertai atau bekerjasama dengan boikot yang tidak disokong oleh kerajaan A.S. dan memerlukan kita untuk melaporkan permintaan yang berkaitan dengan pemboikotan yang kita terima.

Anda mesti mengetahui dan mematuhi undang-undang ini. Maklumkan kepada jabatan undang-undang atau hubungan pelaporan boikot tempatan anda dengan segera jika anda menerima sebarang permintaan untuk mengambil bahagian atau bekerjasama dalam boikot yang tidak disokong oleh Amerika Syarikat.

Transaksi Terbitan

Cargill memasuki transaksi terbitan, termasuk niaga hadapan, swap dan opsyen, di seluruh dunia. Transaksi ini dijalankan dalam bursa berorganisasi, serta secara dua hala bersama rakan niaga.

Patuhilah syarat-syarat ini


Jika anda melakukan transaksi terbitan bagi pihak Cargill:

- Fahami dan patuhi semua peraturan dan undang-undang bursa yang berkaitan.
- Jangan terlibat dalam aktiviti penipuan berkaitan dengan mana-mana transaksi terbitan atau mengambil tindakan untuk memanipulasi harga pasaran mana-mana instrumen terbitan yang melanggar peraturan dan undang-undang.
- Jangan membuat laporan palsu atau kenyataan mengelirukan kepada pengawal selia kerajaan atau bursa.
- Selaraskan semua hubungan dengan pengawal selia kerajaan dan bursa mengenai soalan berkenaan peraturan atau kaedah bersama Kumpulan Kepatuhan Terbitan Cargill.

Kumpulan Pematuhan Pasaran Komoditi Cargill (CMCG) menyediakan maklumat terperinci dan sumber tentang subjek derivatif dalam laman Bilik Sumber Perdagangan Komoditi mereka di Cargill Connects. Anda juga boleh menghantar e-mel ke derivatives-compliance@Cargill.com untuk permintaan maklumat umum.

3

Kami menyimpan rekod dengan tepat dan jujur.



Rekod yang tepat dan jujur adalah amat penting dalam membuat keputusan perniagaan yang bijak dan mengekalkan integriti laporan kewangan kita. Maklumat perniagaan kita, dalam apa bentuk sekalipun, mesti mencerminkan sifat sebenar transaksi kita.

Mewujud dan Mengurus Rekod Perniagaan

Setiap hari, kita mewujudkan beribu-ribu rekod perniagaan, daripada kontrak pelanggan dan laporan kepada agensi kawal selia hingga ke lembar masa dan laporan perbelanjaan. Ada kanya, komunikasi e-mel dan telefon kita turut dianggap sebagai rekod perniagaan. Cargill bergantung kepada ketepatan dan kebenaran yang ada padanya untuk menganalisis dan melaporkan tentang operasi kami dan untuk membuat keputusan perniagaan yang mantap. Terdapat juga kemungkinan yang mana-mana rekod perniagaan akan didedahkan kepada umum melalui litigasi, penyiasatan kerajaan atau berita dalam media.

Atas sebab-sebab ini, semua rekod perniagaan yang kita wujudkan, dalam apa jua bentuk, mesti mencerminkan sifat sebenar transaksi atau peristiwa. Jangan sekali-kali sengaja memalsukan rekod atau cuba untuk menyembunyikan apa yang sebenarnya be laku dan elakkan menekok tambah, bahasa yang tidak sopan dan membuat kesimpulan undangundang dalam komunikasi anda. Ia juga adalah penting untuk anda menyimpan atau melupuskan rekod perniagaan selaras dengan jadual pengekalan rekod kita. Jika berlaku tuntutan mahkamah atau penyiasatan kerajaan, anda mungkin perlu mengekalkan dokumen tertentu untuk satu tempoh masa, jadi pastikan supaya mematuhi sebarang arahan yang anda terima dalam keadaan sedemikian.

Penyata dan Kawalan Kewangan

Maklumat kewangan kami dipercayai oleh pihak pengurusan, pemegang saham, pemutang, agensi penarafan dan rakan niaga kami. Ia turut digunakan semasa menyediakan penyata dan laporan kerajaan untuk tujuan cukai, kawal selia dan statistik. Semasa mengumpul dan berkongsi maklumat kewangan kami, kami mematuhi Prinsip Perakaunan Diterima Umum A.S. (GAAP) bagi penyata kewangan disatukan Cargill dan peraturan perakaunan tempatan untuk keperluan laporan kewangan bukan A.S.

Soalan & Jawapan

S Seorang pelanggan meminta kami untuk mengubah invois untuk menjadikan seolah-olah jualan berlaku pada tarikh lebih awal daripada yang sebenarnya. Nampaknya, permit importnya baru sahaja tamat tempoh, dan menukar tarikh jualan akan membantu mengelakkannya daripada perlu memohon semula permit. Perubahan itu boleh dilakukan dengan mudah dan ia sememangnya akan membantu pelanggan kita. Bolehkah saya terus melakukan perubahan itu?

J Tidak, anda tidak boleh berbuat demikian. Ia tidak penting sama ada perubahan tersebut boleh dilakukan dengan mudah dan ia akan membantu pelanggan. Invois kami adalah rekod perniagaan dan harus menunjukkan tarikh sebenar jualan tersebut dilakukan. Mengubah tarikh pada invois akan mewujudkan rekod yang palsu dan mengelirukan—itu merupakan pelanggaran terhadap tanggungjawab kami untuk menyimpan rekod yang tepat dan jujur. Selain itu, kerana pelanggan membuat perubahan bagi mengelakkan keperluan undang-undang, tindakan anda akan membantunya melanggar undang-undang.

Cargill. Kami menyediakan dan memfailkan penyata cukai kami dan pemfailan lain mengikut semua undang-undang cukai. Mana-mana pekerja yang menyediakan maklumat untuk tujuan kewangan atau cukai mesti menyediakannya pada masa yang ditetapkan dan mengesahkan ketepatan maklumat dan kepatuhannya dengan dasar Cargill. Kegagalan untuk menyediakan maklumat yang tepat pada masanya kepada Pelaporan Kewangan Korporat atau Jabatan Cukai boleh mengakibatkan risiko undangundang dan komersil yang besar kepada Cargill. Untuk panduan tambahan, sila hubungi Jabatan Cukai untuk soalan berkaitan dengan cukai dan Pelaporan Kewangan Korporat untuk soalan berkaitan dengan kewangan.

4

Kami menunaikan tanggungjawab perniagaan kami.



Hubungan perniagaan kami adalah berlandaskan saling mempercayai, dan telah diamalkan sepanjang sejarah penubuhan Cargill. Kami membina dan mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan kami dan rakan kongsi perniagaan lain dengan berkomunikasi secara jujur, menghormati maklumat yang diamanahkan kepada kami dan berdiri teguh di belakang komitmen kami.

Kepercayaan dalam Hubungan Perniagaan

Menunaikan tanggungjawab perniagaan kita bukan sekadar memenuhi tanggungjawab kontrak kita sahaja. Kita mahu menunjukkan bahawa kita mengambil pendekatan saling mempercayai antara satu sama lain dalam terhadap hubungan perniagaan kita bersama pelanggan, pembekal, vendor, perunding dan rakan kongsi perniagaan lain. Ini bermakna kita:

Berkomunikasi secara jujur mengenai produk dan perkhidmatan kita—melalui perbualan kita, kontrak, bahan jualan, e-mel dan semua komunikasi lain.

Hanya membuat komitmen yang kita yakini dapat dilaksanakan. Komitmen bermakna apa-apa janji—bukan hanya perkara yang tertera dalam kontrak kita sahaja. Membuat pertimbangan yang sewajarnya mengenai janjianjanji anda dan jangan membuat komitmen ke atas sesuatu yang tidak dapat ditunaikan oleh Cargill.

Tangani perubahan kepada komitmen dengan bertanggungjawab. Ada kalanya kita tidak dapat memenuhi komitmen yang telah kita buat. Dalam hal ini, bincang dengan pelanggan atau rakan kongsi perniagaan yang terlibat untuk mencari penyelesaian dan langkah seterusnya. Pastikan anda mengubah atau membatalkan kontrak sedia ada jika perlu, dengan betul.

Hormati dan lindungi kerahsiaan dan hak pemilikan harta intelek yang diamanahkan kepada kami. Kita harus melindungi harta intelek pelanggan dan rakan kongsi perniagaan lain kita seperti mana kita melindungi harta kita sendiri.

Kendalikan data peribadi pelanggan dan rakan kongsi perniagaan lain kami dengan berhati-hati. Semasa menjalankan perniagaan, kami mungkin mengumpul, menyimpan atau memproses maklumat mengenai orang yang mewakili organisasi pelanggan atau rakan kongsi perniagaan lain kami. Jika anda mengendalikan maklumat sebegini, pastikan ia dilindungi dan digunakan mengikut undang-undang dan dengan betul. Untuk panduan tambahan, sila rujuk kepada dasar Privasi Data Perniagaan Cargill.

Soalan & Jawapan

Saya dalam peringkat akhir untuk menandatangani kontrak dengan pelanggan, dan terma terbaru dalam kontrak termasuk spesifikasi produk yang sedikit berbeza daripada apa yang kita tawarkan sebenarnya. Tetapi, produk kita adalah setara kefungsianya dan saya yakin ia akan berfungsi dengan baik untuk aplikasi pelanggan. Masa semakin singkat dan kontrak itu perlu ditandatangani dengan segera. Tetapi saya berasa tidak selesa untuk bersetuju dengan spesifikasi produk ini, kerana produk yang kami bekalkan tidak menepati spesifikasi tersebut. Apa yang patut saya lakukan?

J Kita mesti membekalkan produk yang menepati spesifikasi yang disediakan dalam kontrak. Jika kita tidak melakukannya, kita mungkin memberikan maklumat palsu atau melanggar kontrak. Ia juga bertentangan dengan prinsip panduan kita untuk menunaikan tanggungjawab perniagaan kita, termasuklah bersikap jujur dengan pelanggan kami. Anda perlu memastikan spesifikasi yang betul disertakan—walaupun itu bermakna proses kontrak akan mengambil masa lebih lama.

Lindungi pelanggan dan pasaran dengan mematuhi syarat-syarat undang-undang persaingan. Undang-undang ini menggalakkan persaingan bebas dan terbuka serta membantu memastikan pelanggan berpeluang untuk membeli produk dan perkhidmatan secara adil. Untuk panduan tambahan, rujuk ringkasan dalam Tatakelakuan kami mengenai Persaingan Adil.

Mengguna Pakai Tatakelakuan

Apakah maknanya untuk menunjukkan kepercayaan dalam hubungan perniagaan? Berikut adalah beberapa contoh:

- ▶ Seorang pengurus barisan produk menyedari bahawa, Cargill tidak akan dapat memenuhi penghantaran di bawah terma kontrak bekalan akibat banjir besar di kilang tempat produk dihasilkan. Beliau bekerja dengan pasukannya dan Jabatan Undang-Undang untuk menentukan pilihan-pilihan untuk pelanggan. Beliau turut menghubungi pelanggan untuk memaklumkan mereka mengenai keadaan yang berlaku dan membincangkan langkah seterusnya.
- ▶ Seorang pemilik akaun sedang berbual melalui telefon bersama pelanggan apabila beliau menyedari bahawa pelanggan menjangkakan garis masa penghantaran yang lebih cepat daripada yang boleh dilakukan. Beliau menerangkan bahawa beliau perlu bekerja dengan pasukan penghantaran untuk menyediakan satu jadual penghantaran. Dengan cara ini, beliau mengelak daripada membuat komitmen yang beliau tahu bahawa Cargill tidak dapat penuhi.
- ▶ Seorang jurutera kilang menerima maklumat teknikal yang sulit daripada pembekal perkhidmatan kejuruteraan untuk digunakan dalam projek yang besar. Beliau memastikan dirinya memahami tanggungjawab kerahsiaan dan memaklumkan kepada pasukannya bahawa maklumat itu tidak boleh dikongsi dengan mana-mana pihak lain atau digunakan di luar projek ini. Beliau turut memastikan ia ditandakan sebagai "sulit pembekal" dan dilindungi daripada diakses atau dikongsikan dengan pihak yang tidak dibenarkan.
- ▶ Seorang wakil jualan menerima e-mel daripada seorang prospek. Setelah membacanya dengan teliti, beliau menyedari bahawa prospek ini sebenarnya mahu menulis kepada pesaing—and e-mel tersebut mengandungi maklumat mengenai harga pesaing. Wakil jualan tersebut memaklumkan pengurus beliau dan Jabatan Undang-Undang supaya Cargill boleh menangani situasi ini dengan sewajarnya, termasuk memberitahu penghantar mengenai kesilapannya. Beliau tidak memajukan e-mel tersebut serta tidak menggunakan maklumat yang terkandung di dalamnya.

Kontrak Kerajaan

Apabila kami menjalankan perniagaan dengan entiti kerajaan, termasuk kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan, peraturan undangundang dan keperluan kontrak yang dikenakan mungkin lebih ketat daripada peraturan untuk pelanggan komersil.

Sebagai contoh, kami mungkin dilarang daripada menawarkan sebarang hadiah kepada pegawai kerajaan, walaupun hadiah yang bernilai kecil. Atau kami mungkin perlu mendedahkan maklumat mengenai syarikat dan pemegang saham kami. Ada juga kontrak kerajaan lain yang mengawal selia komunikasi asas berkaitan jualan dengan pegawai kerajaan.

Jika anda melaksanakan kontrak kerajaan, pastikan anda memahami sepenuhnya peraturan undang-undang dan terma kontrak khusus yang dikenakan terhadap perhubungan pelanggan tersebut. Ketahui syarat kontrak mana yang dikenakan terhadap pihak ketiga, seperti perunding, penjual semula, pengedar atau pembekal, dan pastikan pihak ketiga tersebut mengetahui syarat itu dan dapat memenuhinya.

Untuk panduan tambahan, rujuk kepada ringkas dalam Tatakelakuan kami berkenaan Aktiviti Politik, AntiSogokan dan Hadiah dan Hiburan.

Soalan & Jawapan

S Unit perniagaan kami sedang menyediakan satu tawaran bagi satu kontrak kerajaan yang besar. Permintaan cadangan memerlukan kami memperakui bahawa kami tidak terlibat dalam mana-mana penyiasatan kerajaan sepanjang tempoh tiga tahun yang lalu.

Saya tahu unit perniagaan kami tidak terlibat dalam mana-mana penyiasatan, jadi bolehkah saya membuat perakuan tersebut?

J Nanti dulu. Selalunya, kontrak kerajaan memerlukan kami untuk membuat perakuan bagi pihak keseluruhan organisasi Cargill—bukan unit perniagaan anda sahaja.

Anda perlu berbincang dengan Jabatan Undang-Undang untuk menentukan perakuan mana yang boleh kami lakukan. Membuat perakuan yang tidak tepat bukan sahaja boleh menyebabkan akibat undang-undang yang serius terhadap anda dan syarikat, tetapi juga menjaskan keupayaan Cargill untuk membuat kontrak dengan pelanggan kerajaan pada masa akan datang.

5

Kami melayan individu dengan bermaruah dan hormat.



Kami mencapai matlamat kami melalui pekerja kami. Kami menyediakan tempat kerja yang selamat dan menghargai sumbangan unik pasukan global kami, serta membolehkan mereka yang menyokong matlamat Cargill mencapai potensi individu mereka sendiri.

Keselamatan dan Kesihatan

SIFAR. Di Cargill, kita percaya bahawa semua kerja boleh dilakukan dengan selamat dan kecederaan serta kematian sifar boleh direalisasikan. Memastikan semua orang pulang ke rumah dengan selamat dari tempat kerja setiap hari adalah teras kepada operasi kita. Ini memerlukan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada pemimpin, pekerja dan kontraktor yang datang untuk bekerja di Cargill.

Untuk membantu kami melakukan ini, kami

- mematuhi semua undang-undang kesihatan dan keselamatan di samping keperluan keselamatan dan program kami sendiri yang ketat, yang sering melangkaui keperluan undang-undang;
- meningkatkan prestasi keselamatan kami secara berterusan melalui pembelajaran daripada orang lain, di dalam dan di luar organisasi kami, menetapkan matlamat yang agresif dan mengiktiraf mereka yang meningkatkan proses keselamatan; dan
- menekankan budaya yang menghendaki semua pekerjaan, walaupun perkara yang perlu disiapkan dengan segera, dapat dilakukan dengan selamat.

Semua pekerja bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang kesihatan dan keselamatan dan keperluan syarikat yang berkenaan dengan pekerjaan mereka. Pekerja juga perlu mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi diri mereka, rakan sekerja mereka dan pelawat di kemudahan kita dan melaporkan sebarang insiden atau amalan tidak selamat yang mereka telah saksikan kepada pengurus mereka. Pengurus Cargill mesti memberikan latihan, program dan sumber kepada pekerja agar mereka dapat menjalankan kerja mereka dengan selamat dan mereka bentuk serta mengekalkan proses dan kemudahan kita dengan cara yang memastikan keadaan kerja yang selamat.

Soalan & Jawapan

S Saya bekerja di bahagian pengeluaran. Semalam, mesin yang saya sedang kendalikan tersebut. Saya teringat prosedur keselamatan kami dan berjumpa dengan mekanik penyenggaraan yang diberi kuasa untuk sekat masuk dan tag keluar (LOTO) mesin tersebut apabila ia rosak atau tersebut. Kelewatan ini menyebabkan barisan pengeluaran kita tergendala. Saya rasa saya boleh membetulkan bahagian yang tersebut itu dengan hanya beberapa minit. Adakah saya melakukan perkara yang betul, atau patutkah saya menghentikan mesin dan membetulkan bahagian yang tersebut itu sendiri?

J Anda telah melakukan perkara yang betul, walaupun barisan pengeluaran perlu dihentikan. Prosedur keselamatan kami memerlukan mesin disekat masuk dan ditag keluar sebelum ia boleh dibetulkan atau disenggarakan, dan hanya pekerja yang terlatih dan diberi kuasa untuk melakukan LOTO dibenarkan untuk melakukannya. Sungguhpun mencari orang yang betul dan memberhentikan barisan pengeluaran mungkin mengambil masa, keperluan ini diadakan untuk keselamatan anda dan keselamatan rakan sekerja anda.

Untuk panduan tambahan, lihat Dasar Persekutaran, Kesihatan dan Keselamatan Cargill serta Manual Dasar EHS.

Kekuatan Melalui Kepelbagai

Cargill mengalu-alukan kepelbagai latar belakang dan pengalaman hidup yang dibawa oleh pekerja kami ke tempat kerja. Sebagai rakan sekerja, kami menawarkan perspektif jantina, bahasa, adat tempatan, kebolehan fizikal, bangsa, agama, orientasi seksual, identiti jantina, pengalaman hidup dan status sosioekonomi yang berlainan, dan kita berbeza dalam gaya pemikiran peribadi kita, menyuarakan pendapat kita dan menyelesaikan masalah.

Untuk berjaya sebagai sebuah organisasi global, setiap seorang daripada kita perlu menghormati perbezaan yang terdapat pada setiap individu. Ini termasuk mengakui bahawa cara pemikiran kita sendiri bukan satu-satunya cara sahaja, dan menyedari bahawa pelbagai latar belakang membawa kepada pendapat yang berbeza, dan ini bukanlah satu kelemahan. Hakikatnya, perbezaan kita menjadikan kita lebih kuat dan lebih berkemampuan untuk memenuhi keperluan organisasi global kita.

Kami menyediakan peluang yang sama dalam pekerjaan kepada semua pekerja tanpa mengambil kira ciri-ciri peribadi, seperti bangsa, etnik, warna kulit, jantina, umur, kecacatan atau ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang. Diskriminasi yang menyalahi undang-undang dan tindakan balas terhadap sesiapa kerana berkongsi kebi bangga atau mengambil bahagian dalam penyiasatan, tidak dibenarkan dalam organisasi Cargill. Ini berkaitan dengan cara kita melayan satu sama lain, serta interaksi kita bersama orang lain.

Untuk panduan tambahan, lihat Sumber Kepelbagai, Ekuiti & Perangkuman Cargill dan dasar antidiskriminasi/peluang pekerjaan yang sama untuk lokasi anda.

Soalan & Jawapan

Saya memohon untuk jawatan dalaman dan percaya bahawa seorang yang kurang layak telah dipilih. Saya mengesyaki saya tidak dipilih kerana jantina saya. Dengan siapakah saya boleh berbincang?

JKeputusan pekerjaan hendaklah dibuat berdasarkan kemahiran, pengalaman dan keupayaan—bukan jantina atau faktor diskriminasi lain. Jika anda bimbang bahawa jantina anda memainkan peranan dalam keputusan itu, anda boleh bercakap dengan pengurus pengambilan atau pengurus HR anda. Jika anda tidak selesa membincangkan perkara tersebut dengan mereka, anda sentiasa boleh menghubungi Talian Terbuka Etika.

Gangguan dan Keganasan

Kita semua mempunyai hak untuk bekerja dalam persekitaran yang bebas daripada keganasan atau gangguan. Di Cargill, kami tidak akan bertolak ansur dengan:

- Gangguan dalam apa jua bentuk
- Penggunaan kekerasan fizikal yang bertujuan untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan
- Perbuatan atau ancaman yang bertujuan untuk menakut-nakutkan seseorang atau menyebabkan mereka takut akan kecederaan tubuh badan

Ini terpakai kepada cara kita melayan satu sama lain dan orang lain yang berinteraksi dengan kita. Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk berlakuan dengan cara yang konsisten dengan dasar gangguan dan keganasan kita.

Tahukah anda?

Contoh Gangguan Seksual

- Berjanji untuk memberi layanan istimewa kerana membenarkan perlakuan seksual
- Menindas pekerja dengan perhatian atau kelakuan seksual yang tidak diingini
- Sentuhan fizikal berunsur seksual yang disengajakan
- Gerak isyarat, jenaka atau komen yang berbaur seksual ditujukan atau dibuat di hadapan seorang individu yang tidak suka kelakuan sedemikian
- Paparan atau penerbitan berunsur seksual atau diskriminasi di mana-mana tempat kerja Cargill

Alkohol dan Dadah

Penyalahgunaan dadah, alkohol dan bahan terkawal lain boleh mengancam keselamatan, kesihatan dan produktiviti pekerja kami. Mana-mana pekerja yang melaporkan diri untuk bekerja mestilah bebas daripada pengaruh dadah haram dan alkohol. Kami juga melarang pemilikan atau penggunaan dadah haram semasa waktu bekerja dan di lokasi Cargill. Sungguhpun minuman beralkohol boleh dihidangkan pada majlis sosial yang diluluskan syarikat, ini harus dilakukan dengan mengikut dasar dadah dan alkohol kami sahaja. Jika anda mengambil ubat preskripsi yang menjelaskan kemampuan anda untuk bekerja dan menimbulkan ancaman kepada keselamatan, kami menggalakkan anda untuk membincangkan keadaan ini bersama Sumber Manusia atau pengurus anda. Pengurus turut bertanggungjawab untuk menyediakan pekerja dengan pendidikan yang mereka perlukan mengenai dasar dan prosedur alkohol dan dadah Cargill.

Untuk panduan tambahan, rujuk dasar alkohol dan dadah Cargill untuk lokasi anda.

Privasi Data Pekerja

Semasa menjalankan perniagaan kami, kami mungkin mengumpul, menyimpan atau memproses maklumat peribadi mengenai pekerja dan orang lain dalam konteks penggajian. Kami mengendalikan maklumat peribadi seperti itu dengan berhati-hati dan bertanggungjawab untuk melindunginya dan menggunakan secara wajar mengikut undang-undang.

Jika anda menyaksikan atau mengetahui tentang gangguan, keganasan atau ancaman keganasan, anda harus melaporkannya dengan segera sama ada kepada pengurus, profesional sumber manusia atau mengemukakan laporan menggunakan MyHR atau Talian Terbuka Etika.

Pengurus bertanggungjawab untuk mengekalkan persekitaran kerja yang bebas daripada keganasan dan gangguan yang menyalahi undang-undang, termasuk tindakan segera untuk menyiasat semua dakwaan menurut undang-undang dan dasar kita. Untuk panduan tambahan, lihat dasar keganasan dan gangguan Cargill bagi lokasi anda.

Untuk panduan tambahan, rujuk dasar Privasi Data Pekerja Cargill.

6

Kami melindungi maklumat, aset dan kepentingan Cargill.



Kami bergantung terhadap satu sama lain untuk bertindak sebagai penjaga organisasi ini. Untuk mengekalkan nilai Cargill, kami melindungi maklumat dan aset yang diamanahkan kepada kami dan mengelakkan keadaan yang mungkin membuatkan kepentingan peribadi mempengaruhi pertimbangan perniagaan kami.

Harta dan Sumber Cargill

Kita bertanggungjawab menjaga harta dan sumber syarikat yang disediakan untuk kita dalam melaksanakan tugas kita. Harta dan sumber kami termasuk aset fizikal kami, seperti kemudahan, bahan

dan kelengkapan kami, dan juga sistem komunikasi kami, seperti komputer, perkhidmatan Internet, telefon dan e-mel.

Patuhi syarat-syarat ini

Kita semua bertanggungjawab untuk menggunakan harta dan sumber Cargill dengan bertanggungjawab..

- Gunakan kemudahan, bahan, kelengkapan dan aset fizikal lain, termasuk kad kredit korporat, hanya untuk tujuan yang dibenarkan sahaja yang berkaitan dengan tanggungjawab kerja anda.
- Jangan sekali-kali mengambil bahagian dalam apa-apa tindakan yang melibatkan penipuan, kecurian, penyelewengan, pecah amanah atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang. Cargill memandang serius perkara ini dan jenayah lain dan akan membuat pendakwaan dengan bersungguh-sungguh. Untuk melaporkan jenayah, hubungi pengurus anda, Jabatan Keselamatan Global atau Talian Terbuka Etika.
- Gunakan e-mel, Internet, telefon dan sistem komunikasi Cargill yang lain untuk tujuan perniagaan—minimumkan penggunaan peribadi. Jangan sekali-kali menggunakan sistem kami dalam cara yang boleh dilihat sebagai menyalahi undang-undang, mengganggu atau menjengkelkan, atau boleh memberi imej yang buruk kepada Cargill. Ini diguna pakai pada bila-bila masa anda menggunakan kelengkapan Cargill, semasa atau di luar waktu bekerja atau semasa di tempat kerja atau di lokasi luar.
- Patuhi prinsip Panduan Cargill dan semua dasar syarikat apabila anda berkomunikasi mengenai Cargill atau perkara yang memberikan kesan langsung kepada Cargill—sama ada melalui penghantaran teks, e-mel, pemesejan segera, rangkaian sosial atau Internet.

Untuk panduan tambahan, rujuk dasar Pendakwaan, Penggunaan Wajar dan Komunikasi Elektronik Cargill.

Aset Intelek Cargill

Beberapa aset Cargill yang paling berharga termasuk maklumat sulit teknikal dan perniagaan kami serta harta intelek yang lain seperti paten, hak cipta dan tanda dagang.

Untuk melindungi maklumat sulit Cargill, jangan sekali-kali mendedahkannya kepada sesiapa di luar syarikat melainkan anda mempunyai kelulusan bertulis dan ia dilindungi oleh perjanjian yang tidak boleh didedahkan, jika bersesuaian. Walaupun di dalam Cargill, jangan berkongsi maklumat sedemikian melainkan orang itu mempunyai keperluan perniagaan untuk mengetahuinya.

Jika anda mencipta sesuatu benda sebagai sebahagian daripada kerja anda, pastikan anda memahami cara melindungi harta intelek yang terhasil daripada kerja anda. Misalnya, anda mungkin perlu menyimpan rekod tertentu, melaporkan perkembangan inovasi atau membantu dalam mendapatkan paten bagi pihak Cargill.

Untuk panduan tambahan, rujuk dasar Dasar Hak Cipta dan Tanda Dagangan Cargill, dan juga dasar Pengenalpastian Maklumat, Pengelasan dan Perlindungan kami.

Perdagangan Orang Dalam

Cargill dengan tegas melarang semua pekerja daripada:

- Berdagang atas "maklumat penting bukan umum" mengenai syarikat yang mempunyai sekuriti yang didagangkan secara umum (termasuk sekuriti hutang) dan

- Menyampaikan "maklumat penting bukan umum" kepada orang lain yang melanggar undang-undang.

Perlakuan ini, umumnya dipanggil sebagai "perdagangan orang dalam," adalah menyalahi undang-undang di kebanyakan tempat dan boleh menyebabkan hukuman berat kepada anda dan Cargill, walaupun anda tidak mendapat faedah secara peribadi daripada pelanggaran tersebut.

Maklumat dianggap "penting" jika terdapat kemungkinan besar bahawa seorang pelabur yang munasabah akan menganggapnya penting dalam membuat keputusan pelaburan, atau maklumat itu mungkin mempunyai kesan besar terhadap harga sekuriti sesebuah syarikat.

Tahukah anda?

Contoh maklumat yang anda mungkin ketahui di Cargill yang boleh dianggap "penting" termasuk:

- Penggabungan, perolehan atau cadangan atau perjanjian penyalburan
- Pembangunan produk baharu
- Litigasi penting
- Maklumat sensitif yang dilindungi oleh perjanjian kerahsiaan

Konflik Kepentingan

Kita semua mesti mengelakkan atau mendedahkan situasi konflik kepentingan sewal mungkin di mana kepentingan peribadi kita boleh mempengaruhi penilaian perniagaan kita dengan tidak wajar.

Contoh situasi yang boleh mewujudkan konflik termasuk:

- Menerima pekerjaan luar yang tidak konsisten dengan kepentingan Cargill – contohnya, bekerja untuk pesaing atau memulakan barisan perniagaan anda sendiri yang bersaing dengan Cargill
- Membenarkan hubungan peribadi mempengaruhi keputusan perniagaan – contohnya, mengubah ahli keluarga sebagai pekerja atau vendor
- Menemui peluang perniagaan yang berpotensi untuk Cargill semasa anda bekerja dan menggunakan untuk keuntungan anda sendiri
- Menerima hadiah atau hiburan yang mempengaruhi – atau mungkin kelihatan akan mempengaruhi – keobjektifan perniagaan anda
- Mempunyai autoriti ke atas atau perancangan membuat laporan secara langsung atau tidak langsung dengan pekerja lain yang mempunyai hubungan peribadi (keluarga, romantik atau intim) dengan anda.

Ia tidak selalu jelas sama ada sesuatu aktiviti mencipta konflik kepentingan. Atas sebab ini, anda perlu membincangkan sebarang kemungkinan konflik dengan pengurus anda. Sebarang kemungkinan konflik yang tidak dielakkan mesti didedahkan sebaik sahaja anda menyedarinya menggunakan Aplikasi Pendedahan Konflik Kepentingan.

Untuk panduan tambahan, lihat Dasar Konflik Kepentingan Cargill.

Soalan & Jawapan

S Saya ingin mengejar usaha sama perniagaan saya sendiri. Saya yakin ia tidak akan bersaing atau konflik dengan kepentingan Cargill. Bolehkah saya melakukannya?

J Mungkin. Walaupun anda percaya bahawa usaha sama perniagaan tidak akan bersaing dengan Cargill, anda masih perlu membincangkan usaha sama yang berpotensi dengan pengurus anda dan mendedahkan situasi menggunakan Aplikasi Pendedahan Konflik Kepentingan jika terdapat sebarang soalan.

Pengurus anda juga ingin memastikan usaha sama yang berpotensi tidak akan menggunakan masa kerja anda di Cargill.

Tahukah anda?

- Aplikasi Pendedahan Konflik Kepentingan mesti digunakan untuk mendedahkan sendiri kemungkinan konflik kepentingan, termasuk sebagai contoh, urus niaga perniagaan peribadi dengan Cargill (seperti menjual sesuatu kepada Cargill atau membeli sesuatu daripada Cargill secara komersial); perdagangan peribadi dalam terbitan komoditi di mana Cargill berdagang atau memegang kedudukan; dan perkhidmatan jawatan awam. Pendedahan awal tentang kemungkinan konflik kepentingan membantu melindungi integriti reputasi anda.
- Sebelum menerima jawatan dengan lembaga pengarah syarikat untuk keuntungan atau jawatankuasa penasihat vendor atau pembekal luaran, anda mesti mendapat sokongan daripada pengurus anda dan menerima kelulusan daripada Pejabat Etika & Pematuhan. Anda boleh meminta kelulusan dengan membuat penyerahan menggunakan Aplikasi Pendedahan Konflik Kepentingan.

7

Kami komited menjadi warga global yang bertanggungjawab.



Keluasan operasi kami bermakna Cargill menyentuh hampir setiap aspek masyarakat. Dengan jangkauan global kami, wujud tanggungjawab untuk memahami dan menguruskan kesan yang kami tinggalkan. Kami mengekalkan piawaian keselamatan alam sekitar dan makanan yang ketat dalam operasi kami dan berkongsi pengetahuan global dan pengalaman kami untuk membantu memenuhi cabaran ekonomi dan sosial.

Hak Asasi Manusia

Kami menghormati hak asasi manusia dan bekerja dengan pihak berkepentingan untuk menyokong usaha global bagi melindunginya. Selaras dengan rangka kerja yang diiktiraf secara luaran seperti Prinsip Panduan PBB, Komitmen terhadap Hak Asasi Manusia kami termasuk:

- Menyediakan keadaan kerja yang selamat dan sihat kepada semua pekerja kami.
- Bekerja untuk membanteras buruh kanak-kanak dan sebarang bentuk buruh paksa serta perhambaan moden dalam operasi dan rantai bekalan kami, di mana-mana sahaja di dunia.
- Menghormati hak tanah orang asli, komuniti tempatan dan kumpulan etnik atau minoriti lain.
- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan pekerjaan, termasuk peraturan tentang pengambilan pekerja bawah umur, dan menyokong hak sama rata serta menyingkir diskriminasi dalam pekerjaan.
- Mengekalkan hak kakitangan kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif pekerja kami.
- Melibatkan diri dalam amalan pengambilan pekerja yang adil dan menyediakan gaji yang kompetitif, adil dan saksama.
- Menyediakan prosedur yang telus, adil dan sulit bagi pekerja kerana membangkitkan keimbangan yang berkaitan.

Piawaian Alam Sekitar

Kami berusaha untuk mengurangkan kesan alam sekitar operasi global kami dan membantu memulihara sumber semula jadi. Kami mematuhi semua undang-undang alam sekitar dan syarat-syarat ketat kami sendiri dan terus memperbaiki prestasi kami melalui pengurangan sisa, penggunaan sumber yang cekap dan kaedah lain yang bersesuaian dengan perniagaan kami. Sebelum membuat perubahan kepada perni-

Soalan & Jawapan

Saya baru sahaja melakukan audit permit alam sekitar yang digunakan pakai untuk pelbagai proses di kemudahan kita. Kita mematuhi sebahagian besar daripadanya. Walau bagaimanapun, satu permit telah tamat tempohnya dan satu lagi mempunyai had yang tidak dapat kita penuhi. Memberhentikan proses ini akan menghentikan operasi kilang, yang semestinya akan merugikan perniagaan kita. Apa yang patut saya lakukan?

J Setiap kemudahan Cargill dimestikan untuk memiliki permit yang diperlukan dan untuk beroperasi dengan mematuhi permit tersebut. Jika kami tidak mematuhi satu permit atau lebih, anda mesti memaklumkan pengurusan kilang anda dengan segera. Pengurusan kilang anda akan bekerja dengan pengurus alam sekitar kami untuk mengembalikan kemudahan kepada kepatuhan penuh dengan segera, mendapatkan kebenaran pengawal selia untuk meneruskan operasi sehingga kepatuhan dicapai atau mengehadkan operasi.

agaan atau operasi kami—seperti membeli kilang atau menjalankan projek modal—kami menilai kesan alam sekitar dan mendapatkan segala permit dan kelulusan yang diperlukan.

Semua pekerja Cargill mesti mematuhi undang-undang alam sekitar dan syarat-syarat syarikat yang dikenakan terhadap kerja mereka dan melaporkan sebarang kejadian dan penyalahan undang-undang alam sekitar. Pengurus kami mesti memastikan pekerja mendapat latihan dan sumber untuk membantu memenuhi tanggungjawab ini.

Untuk panduan tambahan, lihat Dasar Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan serta manual prosedur korporat Cargill.

S Unit perniagaan saya beroperasi di sebuah negara membangun dan bersaing dengan syarikat yang tidak memiliki syarat-syarat keselamatan makanan seketar Cargill. Ini meletakkan saya di kedudukan persaingan yang lemah. Saya tahu saya perlu mematuhi undang-undang negara membangun tersebut. Tidakkah ia mencukupi?

J Tidak. Oleh kerana kami menyentuh rantaian bekalan makanan global dalam pelbagai cara dan di banyak tempat, kami mengambil pendekatan yang meluas serta menyeluruh untuk memastikan keselamatan dan integriti produk makanan dan makanan haiwan kami. Selain kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan, dasar kami memerlukan produk makanan dan makanan haiwan kami dihasilkan mengikut syarat-syarat Keselamatan Makanan Korporat dan Kawal Selia Cargill, yang sering menetapkan piawaian yang lebih tinggi.

Keselamatan Makanan dan Makanan Ternakan

Matlamat Cargill adalah untuk menyediakan makanan dan makanan haiwan yang selamat pada setiap masa, di mana sahaja. Kami menggunakan sistem dalaman dan hanya pembekal luaran yang memastikan produk makanan dan makanan haiwan kami memenuhi syarat-syarat ketat Keselamatan Makanan dan Hal Ehwal Kawal Selia kami, di samping semua undang-undang yang berkenaan. Untuk mempertingkatkan keselamatan makanan dan makanan haiwan di seluruh Cargill dan dalam industri kami, kami berkongsi maklumat berkenaan hal keselamatan makanan dan makanan haiwan secara dalaman dan luaran dan menggalakkan pekerja kami untuk mengetengahkan idea yang boleh memperbaiki usaha kami.

Semua pekerja Cargill adalah bertanggungjawab untuk memastikan produk dan proses makanan dan makanan haiwan yang mereka kerjakan memenuhi syarat-syarat keselamatan makanan dan makanan haiwan kita dan untuk memaklumkan pengurus mereka jika mereka melihat masalah dalam operasi kami yang boleh menjelaskan keselamatan makanan. Pengurus kami mesti memastikan pekerja memiliki latihan dan sumber yang diperlukan untuk memahami dan melaksanakan peranan mereka dalam keselamatan makanan dan makanan haiwan. Untuk panduan tambahan, rujuk dasar dan prinsip operasi Manual Dasar Keselamatan Makanan Global Cargill.

Aktiviti Politik

Cargill menghormati hak pekerjanya untuk mengambil bahagian dalam proses politik dan dalam sebarang aktiviti politik yang mereka pilih. Sungguhpun begitu, pekerja mesti mengasingkan aktiviti dan pandangan politik mereka daripada aktiviti kerja. Jangan gunakan sumber Cargill, seperti kemudahan, e-mel atau tanda dagang kami, untuk aktiviti politik anda sendiri dan elakkan daripada memberi sebarang gambaran bahawa Cargill menaja atau menyokong mana-mana jawatan yang anda pegang secara peribadi.

Aktiviti politik korporat, termasuk sumbangan politik dan melobi untuk mempengaruhi perundangan, dikawal selia dengan ketat dan tertakluk pada peraturan undang-undang khusus. Di Cargill, kumpulan Hubungan Kerajaan menguruskan aktiviti politik organisasi. Perniagaan dan fungsi perlu menghubungi Hubungan Kerajaan untuk semakan dan kelulusan sebelum membuat apa-apa sumbangan politik bagi menyokong calon, parti, kempen, jawatan awam atau isu undi, atau terlibat dalam aktiviti melobi. Ini membantu memastikan aktiviti politik kami mematuhi undang-undang dan menyokong kepentingan Cargill.

Komuniti yang Diperkayakan

Kami menggunakan pengetahuan dan kemahiran kami untuk membantu memenuhi cabaran ekonomi, alam sekitar dan sosial dalam komuniti tempat kami tinggal dan bekerja. Dengan bekerjasama dengan pelbagai rakan kongsi awam dan swasta, pekerja dan perniagaan kami menyumbangkan masa, bakat dan sumber kewangan untuk membantu membawa kemajuan yang boleh diukur terhadap isu-isu sukar yang tidak dapat diselesaikan oleh sesuatu organisasi secara bersendirian.

Ini adalah bahagian penting dalam komitmen kami untuk menjadi warga global yang bertanggungjawab dan bagi mencapai hasrat itu, kami menetapkan piawaian yang tinggi terhadap diri kami dan menggalakkan orang lain untuk melakukan perkara yang sama.

Untuk panduan mengenai cara perniagaan dan fungsi anda boleh membantu projek yang wajar dipertimbangkan dalam komuniti kami, hubungi Pengurus Hal Ehwal Korporat tempatan anda.

Ingin mendapatkan maklumat tambahan?

Hubungi Pejabat Etika dan Pematuhan Global Secara Terus:

 Hantar e-mel ke ethics@Cargill.com

 Atau gunakan Talian Terbuka Etika di www.cargillopenline.com

Lawati laman web Pejabat Etika dan Pematuhan Global:

<http://internal.Cargill.com/sites/ethics-compliance> dan cari

 Versi terbaru Tatakelakuan kita

 Tarikh dan keperluan pematuhan utama

 Maklumat tentang GECO

 Bahan latihan dan pembentangan

Langgan panel GECO kita melalui Cargill Connects untuk menerima artikel dan kemas kini tentang program etika dan pematuhan Cargill